



No Rujukan : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (60)
Tarikh : 23 September 2013

SIARAN MEDIA

MEMELIHARA KEMAMPANAN PETEMPATAN MANUSIA DAN ALAM SEKITAR MENERUSI PROGRAM *HABITAT MOMENT* DAN BANK KITAR SEMULA

Putrajaya, 23 September 2013 - Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan Program Habitat Moment dan Bank Kitar Semula sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia 2013 pada pagi ini. Program Habitat Moment dan Bank Kitar Semula adalah antara aktiviti sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia 2013. Kemuncak Sambutan Hari Habitat Sedunia 2013 ialah acara majlis pelancarannya pada 7 Oktober 2013 nanti dengan tema sambutan pada tahun ini *Urban Mobility*.

Ikrar Aku Janji Habitat Moment adalah pembacaan Ikrar oleh pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di 45 buah sekolah di seluruh Malaysia yang berjanji akan lebih bertanggungjawab dalam memelihara kemampuan petempatan manusia dan alam sekitar. Program program tahunan sejak 2009 ini mempunyai objektif untuk meningkatkan kesedaran kepada pelajar terhadap isu-isu semasa petempatan manusia dan perancangan alam sekitar kepada golongan pelajar ini yang merupakan golongan pelapis pemimpin Negara di masa hadapan.

Program Bank Kitar Semula pula melibatkan 45 buah sekolah rendah dan menengah di 9 buah negeri (negeri yang menggunakan pakai Akta 672) bermula jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang bermatlamatkan penerapan amalan kitar semula dalam kehidupan seharian. Program Bank Kitar Semula pada pagi ini telah dimulakan sejak 2010 lagi oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pengurusan Awam (PPSPPA) menerusi Program 3R. Sehingga Jun 2013, sebanyak 549,049.38 kg barangan kitar semula yang dikumpulkan melibatkan 392 buah sekolah rendah dan menengah.

Objektif Program Kitar Semula

- Meningkatkan kesedaran pelajar terhadap isu semasa petempatan manusia dan perancangan alam sekitar. Kesedaran awal sebegini diharapkan dapat mematangkan minda dan menjadikan pelajar lebih peka terhadap isu semasa.
- Program ini dapat menyemai dan membudayakan amalan kitar semula di peringkat sekolah lagi agar negara dapat meningkatkan dan mencapai peratus kitar semula kepada 22% yang disasarkan pada tahun 2020.
- Program ini mampu mengurangkan penggunaan bahan mentah dan menggunakan sedikit tenaga berbanding pemprosesan bahan dari sumber asli serta mengurangkan kesan pemanasan global.

Ini adalah selaras dengan Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 673), Bahagian III Seksyen 17 di mana Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pengurusan Awam (PPSPPA) berperanan menggalakkan penyertaan awam dan mempertingkatkan kesedaran awam bagi aktiviti kitar semula.

Program Kitar Semula dijayakan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) ini dengan kerjasama syarikat konsesi / pihak kitar semula di setiap negeri dan cawangan yang ada wakil

PPSPPA bagi menguruskan pengumpulan dan penjualan barangan kitar semula tersebut. Manakala kedua-dua Program Habitat Moment dan Bank Kitar Semula ini melibatkan kerjasama padu dari Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my